

# Pelaburan RM10b manfaat solar

## Tiga syarikat antarabangsa hasilkan produk teknologi voltan cahaya bagi pasaran global

BH 21/6/08 M/S 15

Oleh Mohamed Farid Noh

**P**ETALING JAYA: Malaysia bakal menjadi peneraju teknologi solar terulung dunia berikutan pelaburan tiga syarikat antarabangsa dengan nilai RM10 bilion bagi menghasilkan produk berkaitan teknologi solar voltan cahaya (*photovoltaic*) bagi pasaran global.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Joseph Salang Gandum, berkata teknologi solar yang dibangunkan itu adalah antara teknologi peringkat tinggi serta mempunyai kos yang sangat mahal untuk dibangunkan.

Katanya, produk berkenaan juga akan dieksport ke negara pengguna tenaga solar terbesar dunia iaitu Jerman, Sepanyol, Jepun dan Amerika Syarikat.

"Pelaburan tiga syarikat berkena-

**“** Pelaburan tiga syarikat membawa pulangan besar kepada negara kerana ia menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat menjadikan negara maju dalam teknologi ini”

**Joseph Salang Gandum**

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

an iaitu First Solar dan Sun Power (dari Amerika Syarikat) serta Q-Cells (Jerman) akan membawa pulangan besar kepada negara kerana ia menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat, menjadikan negara maju dalam teknologi ini dan seterusnya dalam jangka panjang mampu menjadikannya tenaga solar lebih murah di pasaran tempatan.

"First Solar akan membuka kilang di Kulim, Kedah bulan depan, sementara Q-Cells dan SunPower masing-masing di Cyberjaya dan Melaka," katanya selepas melancarkan Sistem Solar Malaysia Building Integrated Photovoltaic (MBIPV) Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sri Aman, di sini, semalam.

Sistem solar MBIPV yang dipasang di sekolah itu menjadikannya sebagai sekolah awam pertama di Malaysia dilengkapi dengan sistem solar komersial yang mampu menghasilkan elektrik dengan kapasiti 4.4 kilowatt atau menjana tenaga secara purata untuk 13 jam sehari.

Projek solar itu hasil usaha sama Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Pelajaran serta JKR dan dibiayai Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Joseph berkata, tujuan kerajaan serta UNDP membangunkan sistem solar di sekolah itu untuk membangunkan penggunaan tenaga solar di samping mengurangkan kosnya.

"Secara kasarnya, jumlah tenaga solar dipasang di sekolah ini mampu menampung tiga penghawa dingin atau 25 kipas angin siling setiap hari, sekali gus menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sekolah.

"Kementerian menyarankan supra-



**HASIL KREATIVITI:** Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Menengah Sri Aman, Yeap Kooi Ngho (kiri) bersama pelajar melihat replika sistem solar BIPV di sekolah itu, semalam.

ya penggunaan tenaga elektrik di sekolah dikenal pasti dan satu kayu ukur dapat diwujudkan. Ini bagi membolehkan kerajaan menggubal dasar untuk penjimatan tenaga di bangunan sekolah mahu pun pejabat kerajaan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan mengakui kos tenaga solar

pada masa ini masih tinggi tetapi selepas projek tenaga solar MBIPV dilancarkan Kementerian pada 2005, kos aplikasi teknologi solar semakin turun.

"Ia turun hampir 18 peratus, iaitu daripada RM31 setiap watt kepada RM26. Matlamat kerajaan adalah mengurangkan kos tenaga solar kepada

RM17 setiap satu watt menjelang 2020.

"Kementerian kini sedang memperincikan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharui untuk memacu pembangunan sumber tenaga ini dengan lebih berkesan supaya negara dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber fosil dan subsidi kerajaan," katanya.